Alamat : **Bahagian Komunikasi Strategik,**
**Aras 18, Blok C,**
**Ibu Pejabat**
**Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia,**
**No. 2, Lebuh Wawasan, Presint 7,**
**62250 Putrajaya**
Tel. : **03-8870 0015**
E-mel : komunikasi@sprm.gov.my
Web : **www.sprm.gov.my**
Twitter : **twitter.com/SPRMMalaysia**
Facebook: facebook.com/sprm.benci.rasuah
Youtube : www.youtube.com/odvmacc

# KENYATAAN MEDIA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

## ISU VIDEO VIRAL DI PUSAT PEMBERIAN VAKSIN (PPV) SACC, SHAH ALAM

ISU yang dibangkitkan adalah berkenaan satu video yang telah tular di media sosial yang mana tohmahannya adalah segerombolan individu bukan warganegara Malaysia telah beratur panjang tidak mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan sehingga menyebabkan kesesakan di PPV Shah Alam Convention Centre (SACC), Shah Alam.

Dikatakan juga, penjaga pintu di PPV tersebut telah mendapat sejumlah wang rasuah sebanyak RM80 bagi setiap orang yang ingin mendapatkan vaksin.

Sehubungan itu, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah menghantar pasukan pegawai risik bagi memantau tohmahan terbabit.

Hasil risikan mendapati, kejadian yang berlaku adalah di PPV Pusat Konvensyen Midlands dan bukannya di PPV SACC, Shah Alam sepertimana dikatakan dalam video tersebut.

PPV Midlands dijadikan Pusat Program Vaksin Pekerja Industri (PPVIN) iaitu sebahagian daripada inisiatif Program Imunisasi Industri Covid-19 Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS).

Walau bagaimanapun, terdapat masalah pada sistem di mana temujanji untuk individu juga terselit di PPV Midlands ini.

Oleh itu, dikatakan punca kesesakan adalah daripada tindakan pekerja asing hadir tanpa janji temu bagi mencuba nasib untuk mendapatkan vaksin.

Tohmahan yang mengatakan bayaran rasuah RM80 perlu dibayar kepada penjaga pintu untuk dapat masuk adalah tidak benar.

Sehubungan itu, orang ramai dinasihatkan untuk melaporkan terus apa-apa maklumat berhubung rasuah dengan menghubungi mana-mana pejabat SPRM dan bukannya menghebahkan di media sosial.

**SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA**
**PUTRAJAYA**
**6 OGOS 2021**

Bahagian Komunikasi Strategik
Strategic Communication Division
MACC

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi** Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik, Kamaruddin M. Ripin (019-6217577) atau Badrila Jamlus (011-6273 6440)

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) merupakan sebuah agensi penguatkuasaan yang ditubuhkan melalui penggubalan Akta SPRM 2009 (Akta 694) bagi meningkatkan keberkesanan dan kecekapan dalam usaha pencegahan rasuah di Malaysia serta untuk memperbaiki persepsi kebebasan dan ketelusan dalam pelaksanaan fungsi-fungsi SPRM. SPRM turut disokong oleh mekanisme *check and balance* dalam memastikan SPRM bertindak selaras dengan kehendak perundangan negara dan aspirasi masyarakat. Suruhanjaya ini dahulunya dikenali sebagai Badan Pencegah Rasuah (BPR).